

06 JUN 2003

Mustapa-Bonus

PULANGKAN BONUS KEPADA K'JAAN JIKA DIANGGAP RASUAH - MUSTAPA

KOTA BAHARU, 6 Jun (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata kakitangan awam yang terpengaruh dengan dakwaan pembangkang kononnya bonus setengah bulan gaji yang diberikan kerajaan adalah satu rasuah politik, patut memulangkan semula wang itu.

Katanya kerajaan sedia menerima wang berkenaan dan ingin tahu berapa ramaikah kakitangan awam yang akan berbuat demikian.

"Saya bersetuju kalau mereka yang menyatakan pemberian bonus itu sebagai rasuah dan rasuah itu berdosa, maka pulangkan balik wang bonus itu kepada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Bidan dan Jururawat Desa Semenanjung cawangan Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan mengulas dakwaan kalangan pemimpin parti pembangkang kononnya pemberian bonus setengah bulan gaji itu. sebagaimana diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas, merupakan rasuah politik untuk pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata dakwaan itu adalah fitnah yang sentiasa dilemparkan oleh mereka yang tidak bersyukur dengan kejayaan negara.

"Mereka (pembangkang) ketandusan idea dan setiap perkara baik yang kerajaan lakukan, mereka selalu menyatakan itu ada tujuan politik, sebenarnya kita tidak ada tujuan politik, kita jaga kebajikan rakyat dan kita harap mereka berkenaan tidak terus melemparkan fitnah kepada kerajaan," katanya.

Mustapa berkata rakyat sudah pasti dapat menilai perkara itu dan kakitangan kerajaan pastinya bersyukur dengan pemberian bonus itu.

"Oleh itu kita berharap mereka (rakyat) membuat keputusan bijak untuk menolak orang yang sentiasa mencemuh langkah baik yang dibuat kerajaan," katanya.

Mustapa berkata kerajaan telah pun membayar bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan kerajaan melibatkan kos RM500 juta dan berharap ia akan membantu meningkatkan aktiviti perniagaan dalam negara sekaligus membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

"Oleh itu kita berharap kakitangan awam berbelanja secara berhemah. Ini keprihatinan kerajaan atas sumbangan besar mereka selain langkah untuk menjana ekonomi negara," katanya.

Mengenai elaun kritikal jururawat desa dan bidan, Mustapa berkata pemberian elaun itu terserah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Kesatuan Bidan dan Jururawat Desa Semenanjung perlu menyediakan asas yang kukuh untuk JPA menimbangkannya.

-- BERNAMA

BD RON